

July 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

76th ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



MAJLIS PENUTUPAN LATIHAN KURSUS KO-KURIKULUM SESI MAC 2018-JULAI 2018

Oleh: Abdul Hafiz B. Abdul Khalid

Seramai 2,233 orang penuntut Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak telah berjaya menamatkan latihan kursus ko-kurikulum bagi sesi Mac 2018-Julai 2018 pada 16hb Mei 2018 yang lalu.

Rektor UiTM Cawangan Sarawak, YBhg. Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali di dalam ucapan penutupan majlis berkenaan berkata, latihan diberikan bertujuan melahirkan lebih ramai pelajar yang bukan sahaja berjiwa kental dan peka dengan perubahan persekitaran yang bergerak pantas tetapi juga, bersesuaian dengan perkembangan terkini teknologi. Menurutnya lagi, ianya juga bagi menggalakkan pelajar menyertai pasukan pakaian seragam dan aktiviti bukan akademik yang mampu menyemai nilai disiplin yang tinggi di kalangan para pelajar. Selain itu, beliau juga turut mengingatkan betapa pentingnya pelajar memiliki *soft skill* yang dipelajari dengan menyertai ko-kurikulum bagi menambah kemahiran sekaligus meningkatkan keyakinan diri bagi persediaan menyertai dunia pekerjaan sebaik tamat pengajian nanti.


Pada majlis yang sama, beliau turut memuji kemenangan yang telah dicapai oleh Kumpulan Pancaragam *Golden Hornbill Drumline* di Hong Kong baru-baru ini.

Majlis turut diserikan dengan persembahan pengucapan awam, seni silat, seni tari, hakka dan pertunjukan pancaragam. Turut hadir memeriahkan majlis adalah Profesor Madya Dr. Hajah Rasidah Mahdi, Timbalan Rektor Penyelidikan & Jaringan Industri, Profesor Madya Wan Akil Tuanku Abdullah, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, & Alumni, pemimpin-pemimpin pelajar, tenaga pengajar ko-kurikulum serta tetamu jemputan yang lain.



Tahniah, Para pensyarah dari UiTM Cawangan Sarawak !

Mohd Faizol bin Haini, Chrisna Pindah, Wan Juliana Emeih & Patricia Pawa Pitil yang telah berjaya merangkul Pingat Emas di *Asia Innovation Show 2018* di Gurney Paragon Mall, Pulau Pinang pada 27-28 April 2018 dengan produk inovasi mereka iaitu *Apai Salui "the Dreamcatcher"*.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications and International Relations Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110
E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**